



NOTIS PEMBERITAHUAN

KERJA-KERJA UNDI SESI 23/02/21

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Ipoh akan mengadakan cabutan undi bagi kerja-kerja undi bagi **Sesi 23/02/21**.

Kategori kerja-kerja undi pada sesi ini adalah seperti berikut:-

| Bil | Kategori | Kod Bidang |
|-----|-------------------------------------|------------|
| 1. | KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM | CE 21 |
| 2. | KERJA MENGECAT JALAN | CE 42 |
| 3. | KERJA-KERJA MENGECAT BANGUNAN | B 14 |
| 4. | KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN | B 24 |
| 5. | MEMBEKAL TANAMAN POKOK | KKM 070201 |
| 6. | PENGINDAHAN KAWASAN | KKM 221402 |
| 7. | MEMBEKAL KELENGKAPAN KEMUDAHAN AWAM | KKM 080101 |

Syarat-syarat kelayakan bagi menyertai kerja-kerja undi adalah seperti berikut:-

- (a) Pendaftaran kerja undi boleh dibuat melalui laman sesawang : <https://epembekal.mbi.gov.my>
- (b) Mempunyai lesen **KKM** (3 bulan sebelum tamat tempoh) atau sijil **PKK** (3 bulan sebelum tamat tempoh) dan **CIDB GRED G1** (60 hari sebelum tamat tempoh) yang masih sah.
- (c) Tidak pernah mendapat tawaran kerja/ perkhidmatan/ pembekalan dalam tahun semasa (2021) dari pihak MBI.
- (d) Tidak mempunyai kerja semasa ketika pelaksanaan sesi kerja undi **23/02/21**.
- (e) Tidak mempunyai kontrak tahunan dengan MBI sehingga tahun 2021.
- (f) Tidak pernah mendapat kerja undi dalam tahun 2021.
- (g) Setiap kontraktor/ pembekal hanya dibenarkan mendaftar penyertaan dibawah satu (1) kategori kerja-kerja undi sahaja.
- (h) Kerja undi dibawah kategori **CIDB** adalah terhad kepada **GRED G1 (KINTA)** sahaja.
- (i) Kerja undi dibawah kategori **KKM** adalah terbuka (**Bumiputera**) kepada kontraktor/ pembekal yang beralamat di **NEGERI PERAK** sahaja. Penyertaan adalah terhad kepada **30** penyertaan terawal sahaja.

(j) Tidak mempunyai sebarang tunggakan (cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak samun) dengan MBI. Pembayaran secara atas talian (online) di laman sesawang <https://sso.mbi.gov.my> adalah **SANGAT DIGALAKKAN** (diingatkan bahawa pembayaran akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja).

(k) Majlis akan menyediakan kemudahan pembayaran di kaunter Ibu Pejabat MBI pada 14 JULAI 2021 (RABU) dan 21 JULAI 2021 (RABU) MULAI JAM 9 PAGI HINGGA 4 PETANG sahaja. Walaubagaimanapun kontraktor/ pembekal adalah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk berbuat demikian. Kemudahan ini akan dilaksanakan dengan pematuhan SOP yang ketat seperti berikut :

- Berkuatkuasa Pada 12 Julai 2021 (Isnin), Pihak Majlis Telah Menetapkan Bahawa Setiap Pelanggan Yang Ingin Memasuki Bangunan Majlis Bandaraya Ipoh Untuk Berurusan Di Kaunter Dan Temujanji, Disyaratkan Mendaftar Vaksin Imunisasi Covid-19 Menerusi Aplikasi MySejahtera;
- Pegawai Majlis Akan Menyemak Status Pendaftaran Vaksin MySejahtera Pelanggan/Peniaga Sebelum Berurusan Di Majlis Bandaraya Ipoh;
- Sekiranya Pelanggan/Peniaga Tidak Mendaftar Vaksin Imunisasi Covid-19 Melalui MySejahtera, Maka Mereka Tidak Dibenarkan Berurusan Dengan Mana-Mana Jabatan Di Majlis Bandaraya Ipoh;
- Perlu mengimbas kod QR dengan menggunakan aplikasi MySejahtera yang diletakkan di setiap lokasi premis. (Wajib di Kawasan capaian internet);
- Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter radius pada setiap masa.

(l) Kontraktor/ pembekal yang telah **disenarai hitam** oleh pihak CIDB/ KKM/ PKK/ MBI adalah **tidak dibenarkan** untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja undi ini.

(m) Kontraktor/ pembekal yang bertaraf **Bumiputera** sahaja layak menyertai kerja-kerja undi ini.

Sehubungan dengan itu, kontraktor/ pembekal yang masih **sah berdaftar** dengan Majlis Bandaraya Ipoh sebagai kontraktor/ pembekal MBI adalah layak untuk menyertai cabutan kerja undi ini. Untuk kontraktor/ pembekal yang **belum berdaftar** sebagai kontraktor/ pembekal dengan Majlis Bandaraya Ipoh, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>

Kegagalan kontraktor mematuhi perkara seperti diatas akan menyebabkan kegagalan untuk menyertai kerja-kerja undi ini.

TEMPOH PENDAFTARAN ATAS TALIAN

**: 13 JULAI 2021 (SELASA)
HINGGA
22 JULAI 2021 (KHAMIS), SEBELUM/PADA
JAM 12.00 TENGAH HARI
(TANPA SEBARANG TUNGGAKAN)**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023”
“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO` HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD)
Datuk Bandar Ipoh

NOTA :

Pihak Majlis akan menjemput wakil daripada Persatuan Kontraktor Melayu Negeri Perak bagi menyaksikan proses cabutan undi ini.

Pihak kontraktor boleh menyaksikan cabutan undi secara langsung di “Facebook live Majlis Bandaraya Ipoh” yang akan dimaklumkan kelak.